



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

### **KENYATAAN TAWARAN**

Tarikh Iklan: 25/07/2024

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor / pembuat / pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**, **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari dari tarikh tutup serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk sebut harga berikut

BIL	JENIS KERJA	BILANGAN SEBUT HARGA	KELAS	HARGA BORANG SEBUT HARGA (RM)
1.	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENJAGAAN LANDSKAP LEMBUT DAN LANDSKAP KEJUR DI KAWASAN BULATAN INTERCHANGE LEBUHRAYA SULTAN ISKANDAR BAGI TEMPOH 24 BULAN	MBIP/S/131/2024	G3/CE14	50.00

2. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun dalam **Portal e-Perolehan** <http://eperolehan.mbip.gov.my> mulai **25/07/2024(KHAMIS)** sehingga **07/08/2024(RABU)** selepas pembayaran dibuat. Pembayaran mestilah dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpaling (postal order)** dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai atau cek tidak diterima.**

3. Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor / pembuat / pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini pemilik syarikat kontraktor / pembuat / pembekal hendaklah berdaftar dengan **sistem e-Perolehan MBIP** yang sijil **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** masih sah tempohnya.

4. Sebut harga yang tidak mempunyai `barcode` adalah tidak sah dan tidak akan diterima. **Tempoh sah laku lesen hendaklah sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh tutup sebut harga.**

5. Semua dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Kaunter Perolehan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Iskandar Puteri, Johor sebelum atau pada tarikh **07/08/2024(RABU) jam 12.00 tengah hari.**

6. Penyebut harga yang tidak berjaya boleh mengambil semula dokumen sebut harga mereka di Kaunter Perolehan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bandar Medini Iskandar, Iskandar Puteri, Johor, dalam tempoh **sembilan puluh hari (90 hari)** selepas tarikh berkuatkuasa sebut harga. Selepas tempoh tersebut semua dokumen sebut harga yang tidak berjaya akan dilupuskan.

**(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)**

Datuk Bandar,  
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI.